

KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: A38

PERSATUAN PENGUSAHA PUSAT HIBURAN NEGERI JOHOR MENGGESA KERAJAAN TEMPATAN MEMBATALKAN SYARAT KAWALAN PEMBANGUNAN AKTIVITI PERNIAGAAN DAN HIBURAN DALAM ZON PERNIAGAAN

[**JOHOR BAHRU**] Wakil-wakil Persatuan Pengusaha Pusat Hiburan Negeri Johor menggesa Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) untuk membatalkan Syarat Kawalan Pembangunan Aktiviti Perniagaan Dan Hiburan Dalam Zon Perniagaan. Ini kerana syarat tersebut mengehadkan perkembangan bidang rekreasi di negeri Johor. Wakil persatuan tersebut turut berkata kebanyakan tanah lot kedai yang dibeli tidak berada dalam kawasan yang sah. Oleh yang demikian, walaupun kedai tersebut telah siap dibina, pengusaha gagal mendapat lesen berniaga dari pihak Majlis. Skop kawasan yang ditetapkan oleh MBJB dan MBIP pula terhad dan ia menimbulkan masalah kepada pihak pembinaan. Disebabkan kawasan perniagaan sah telah menjadi pilihan utama kepada pihak pengusaha yang lain, mereka bukan saja akan mengalami masalah persangit sengit, kesesakan trafik dan kenaikan kadar sewa kedai, ia juga memberi masalah yang sama kepada pihak pengusaha hiburan dan rekreasi. Dalam empat tahun ini, persatuan tersebut telah menghantar memorandum kepada bekas Menteri Besar Negeri Johor dan ahli majlis eksekutif yang bertanggungjawab. Namun tiada maklum balas. Oleh yang demikian, sekali lagi persatuan tersebut akan menyerahkan memorandum kepada Menteri Besar Negeri Johor dan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar Dan Alam Sekitar. Mereka berharap syarat tersebut dapat dibatalkan dan memperluaskan skop kawasan supaya pihak pengusaha hiburan dapat mengembangkan perniagaannya.